

## **BAB II**

### **METODOLOGI**

#### **2.1 Metode Penyelidikan**

Sesuai dengan permasalahan kajian yang bersifat semasa, metode penyelidikan yang digunakan adalah metode *deskriptif-analitik* (lihat Winarno, 1972). Dengan metode ini, data dikumpul, disusun dan dijelaskan, kemudian dianalisis.

#### **2.2 Teknik Pengumpulan Data**

Teknik pengumpulan data dilakukan melalui:

- (i) Soalselidik; dimaksudkan bagi menghimpun data primer yang mewakili;
- (ii) Kajian kepustakaan; bertujuan memperolehi bahan-bahan dan teori (data sekunder) yang dirasa berkenaan dengan kajian.
- (iii) Pemerhatian dan temubual; diarahkan untuk melengkapi soalselidik dan/atau kajian kepustakaan.

### 2.3 Populasi Dan Sampel

Populasi dalam kajian ini adalah penduduk yang bertempat tinggal di Kampung Endah, Mukim Morib dan Kelanang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Berasas kepada pengetahuan objektif tentang ciri-ciri persampelan yang boleh diketahui sebelumnya, juga atas pertimbangan kepada halangan-halangan teknikal yang dijangka berlaku, maka pengambilan sampel responden dilakukan secara purposif (*purposive sampling*) atau pengambilan sampel responden yang dirasa berkenaan dengan kajian (Bailey, 1978). Dengan demikian, pengkaji mempunyai kebebasan untuk menentukan sampel responden yang mana satu yang dirasa munasabah serta memadai.

Sehubungan itu, sesuai dengan kepentingannya, pengkaji telah pun menentukan dua kategori sampel responden iaitu: (i) pemimpin kampung sebagai pemimpin pendapat (P.P.) dan (ii) bukan pemimpin kampung bukan sebagai pemimpin pendapat (BPP). Responden P.P. berjumlah 33 orang, sedangkan responden BPP berjumlah 72 orang.

Responden P.P. – yang jumlahnya 33 orang tersebut – 14 orang berasal dari lingkungan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), 14 orang Ketua Kumpulan 10, dan 5 orang P.P. yang lainnya iaitu Penasihat Khas JKKK, Pengurus Perkumpulan Janda-janda

Kampung Endah (PEJAKE), Ketua Persatuan Pinggan Mangkok & Bengkel, Nazir dan Imam Masjid "Attoyyibbin".

Kesemua responden P.P. ini dipilih oleh pengkaji selepas dibuat proses penyaringan "administratif" yang saksama sehingga responden yang menyandang lebih daripada satu jawatan kepemimpinan pemilihannya semata-mata terfokus pada salah satu jawatan yang pengkaji kira paling layak. Dengan demikian, responden diambil kira semata-mata berdasarkan satu-satu bidang kepemimpinan. Oleh itu, pertindihan peranan dalam kepemimpinan tidak mempengaruhi proses persampelan. Persampelan ditentukan mengikut kaedah "satu jawatan, satu responden". Lebih daripada itu pengkaji tidak mengambil berat wadah kepemimpinan yang disandang secara bertindih.

Responden BPP pula yang berjumlah 72 orang, yang diambil daripada 240 ketua keluarga, masing-masing berkedudukan sebagai ketua keluarga. Kedua-dua kategori responden, seperti telah diuraikan di atas, pemilihannya ditentukan secara purposif (*purposive sampling*).

Sebagai bahagian daripada jenis persampelan bukan probabiliti (*non-probability sampling*) atau persampelan mengikut pertimbangan-pertimbangan tertentu (*judgemental sampling*), maka dalam proses pengambilan sampel responden yang ditentukan secara purposif tidak diperlukan ujian statistik (Jalaluddin, 1989: 111). Dalam persampelan sedemikian, karakteristik sampel boleh diketahui sebelumnya.

## 2.4 Takrif Kendalian

Takrif kendalian akan dijelaskan mengikut pembolehubah bebas (*independent variable*) dan juga pembolehubah terikat (*dependent variable*). Pembolehubah bebas merupakan penyebab kepada pembolehubah terikat, yang oleh Kerlinger (1973) hubungan kedua pembolehubah tersebut digambarkan sebagai "jika X (pembolehubah bebas) maka Y (pembolehubah terikat)". Dalam erti kata lain, pembolehubah bebas merupakan faktor yang mempengaruhi pembolehubah terikat.

Dalam kajian ini, apa yang menjadi pembolehubah terikat adalah taraf penyertaan responden di dalam proses pembangunan kampung. Dimensi yang diperhatikan daripada taraf penyertaan tersebut adalah tentang penyertaan idea, benda maupun tenaga. Dengan demikian, perlu dikemukakan soalan: sejauhmanakah responden terlibat dalam proses pembangunan kampung? Dalam bentuk apa?

Sedangkan beberapa pembolehubah bebas yang menjadi tumpuan kajian ialah:

- (i) Umur; sehubungan ini akan diajukan soalan: berapakah umur responden?
- (ii) Jumlah ahli keluarga; dimaksudkan sebagai orang-orang yang tinggal bersama responden di dalam satu rumah sebagai satu keluarga, termasuk orang-orang yang menjadi tanggungan dan mendapat saraan hidup daripadanya. Soalan penting yang

perlu diajukan ialah: berapa orangkah ahli keluarga yang tinggal bersama dan menjadi tanggungan responden?

- (iii) Taraf pendidikan; di sini akan diajukan soalan: taraf pendidikan tertinggi apakah yang responden perolehi?
- (iv) Luas tanah; ini merujuk kepada keluasan tanah pertanian/perkarangan yang menjadi "asset" responden. Soalannya: berapakah luas tanah pertanian/perkarangan yang responden miliki/sewa/sewakan/usahakan?
- (v) Pekerjaan utama; dalam hubungkait ini akan diajukan soalan: jenis pekerjaan utama apa yang responden lakukan?
- (vi) Pekerjaan sampingan; iaitu pekerjaan di luar pekerjaan utama, yang juga sebagai sumber pendapatan responden. Soalannya: jenis pekerjaan sampingan apa yang responden lakukan?
- (vii) Sikap; sikap individu dijangka mempunyai hubungan dengan taraf penyertaannya dalam menyikapi sebarang isu berbangkit. Oleh yang demikian perlulah dikaji sikap responden terhadap sesuatu isu kepemimpinan dan pembangunan, sama ada positif, negatif ataupun berkecuali. Sehubungan ini dapat diajukan soalan yang menghala kepada jawapan berkenaan pandangan/cadangan/harapan responden tentang kepemimpinan dan pembangunan. Kesemua jawapan tersebut diandaikan sebagai wujud daripada taraf keprihatinan (sangat prihatin, cukup prihatin, kurang prihatin, tidak prihatin, tidak mahu prihatin) responden terhadap isu-isu kepemimpinan dan pembangunan. Soalan berkenaan ialah: sejauh manakah

- responden mensikapi isu-isu kepemimpinan dan pembangunan (positif, negatif, berkecuali)?
- (viii) Berhubung dengan pemimpin pendapat; peranan pemimpin pendapat tidak banyak berbeza dengan peranan agensi pembangunan, kecuali latarbelakang asal-usul mereka. Mengikut Bostian (1970), pemimpin pendapat terdiri dari anggota masyarakat yang aktif mencari maklumat daripada media massa untuk kemudian disebarkannya kepada anggota masyarakat lainnya yang kurang aktif. Sementara agensi pembangunan pada kebiasaannya tidak mesti berasal daripada anggota suatu masyarakat. Pemimpin pendapat lazim mempunyai pengaruh tertentu, oleh itu ia biasa dirujuk anggota masyarakat yang dipimpinnya sekaligus sebagai sumber yang boleh memberi nasihat. Dengan demikian, anggota masyarakat dijangka akan sentiasa berhubung dengan pemimpin pendapatnya. Dalam perkara ini, soalannya adalah: dengan pemimpin pendapat manakah (pemimpin pendapat pertanian, sosial, politik, keagamaan, dan sebagainya) responden berhubung? Atas alasan apa? Berapa kerapkah ia dilakukan? Nasihat-nasihat apa sahaja yang diminta dan diberikan? Dapatkah memenuhi hajat yang diperlukan?
- (ix) Berhubung dengan agensi pembangunan; dalam proses difusi inovasi, peranan agensi pembangunan adalah penting. Oleh itu, taraf perhubungan di antara individu dengan agensi pembangunan perlu diambilkira. Walau bagaimanapun, agensi

pembangunan merupakan bahagian integral daripada keseluruhan proses pembangunan. Dengan demikian, berjaya atau gagalnya suatu program pembangunan – termasuk penyertaan individu dalam pembangunan – sedikit-sebanyak dipengaruhi oleh peranan agensi pembangunan itu tadi. Dalam hubungan ini dapat diajukan soalan: dengan agensi pembangunan manakah (agensi pembangunan pertanian, sosial, politik, keagamaan, dan sebagainya) responden berhubung? Atas alasan apa? Berapa kerapkah ia dilakukan? Nasihat-nasihat apa sahaja yang diminta dan diberikan? Dapatkah memenuhi hajat yang diperlukan?

- (x) Penggunaan media; ini berkenaan dengan jenis media yang digunakan. Soalan yang perlu diajukan adalah: jenis media apakah (media cetak, media elektronik) yang responden gunakan sebagai sumber maklumat yang diperlukan dalam pembangunan kampung? Sejauhmanakah media tersebut dapat memenuhi keperluan maklumat? Mengikut Rosengren (1974: 277), penggunaan media berhubungkait pula dengan kekerapan waktu yang digunakan, dengan mesej dan dengan hubungan yang berlaku di antara pengguna media dengan mesej itu sendiri atau dengan media secara keseluruhan. Di sini soalan-soalan yang perlu pula diajukan ialah: berapa lamakah waktu yang responden dedahkan kepada media (media cetak, media elektronik)? Jenis mesej apakah? Adakah mesej berkenaan mempunyai hubungkait langsung dengan

kepentingan responden? Dalam hubungkait penggunaan media, juga perlu disoal motivasi individu (responden) dalam hal memilih media yang dianggap paling sesuai digunakan, sama ada media massa dan/atau media komunikasi antara individu. Sehubungan perkara tersebut, media yang menjadi pilihan bergantung kepada jangkaan taraf keberkesanan media itu sendiri dalam memenuhi keperluan yang dihajatkan. Oleh Blumler (1980: 209), motif individu telah dibahagikan kepada tiga orientasi motif iaitu: motif kognitif (keperluan maklumat), motif diversif (keperluan untuk menghibur diri) dan motif yang berkenaan dengan pendedahan diri. Soalan-soalan yang dapat dikemukakan adalah: atas alasan apakah responden memilih jenis media (media cetak, media elektronik) yang digunakan? Begitupun dalam hal memilih penggunaan saluran komunikasi (komunikasi massa, komunikasi kumpulan, komunikasi antara individu)? Dalam menentukan mesej yang menjadi pilihan? Juga dalam menentukan kekerapan waktu yang digunakan?

- (xi) Pendedahan kepada persekitaran; iaitu dimaksudkan sebagai taraf pendedahan responden kepada persekitaran sosial di luar sistem sosialnya. Pendedahan ini, berhubungkait dengan proses penerimaan atau penolakan idea-idea baru, yang seterusnya ikut mempengaruhi proses penyertaan responden dalam pembangunan. Untuk mengetahui taraf pendedahan tersebut – iaitu dalam hubungkait kekerapan responden melakukan lawatan ke sebarang destinasi di luar tempat

tinggalnya – akan diajukan soalan: tempat-tempat lain manakah, di luar tempat tinggal sendiri, yang responden lawati? Untuk tujuan apa?

- (xii) Keahlian dalam sebarang pertubuhan; keahlian individu dalam sebarang pertubuhan sama ada pertubuhan profesi, sosial, politik, keagamaan dan lain-lainnya lazim mempengaruhi taraf penyertaannya dalam proses pembangunan. Jika pertubuhan yang dimasukinya mempunyai persepsi positif terhadap program pembangunan, maka secara relatif individu berkenaan dijangka akan mempunyai persepsi yang positif pula. Mengikut Mead (1934: 6), tingkah laku individu merupakan gambaran daripada kelompok dan hanya boleh dipahami dalam erti kata keseluruhan kelompok itu sendiri. Dalam kelompok ini, individu berkenaan terikat sekaligus mengikatkan dirinya sebagai ahli. Dengan demikian, persepsi individu sebagai ahli dalam sesuatu pertubuhan perlulah diambilkira. Soalan penting yang perlu diajukan adalah: apakah responden menjadi ahli sesuatu pertubuhan? Pertubuhan yang bercorak apa (profesi, sosial, politik, keagamaan dan lain-lainnya)? Bagaimanakah persepsi pertubuhan tersebut terhadap program pembangunan (pertanian, politik, keagamaan dan lain-lainnya)?

Oleh kerana dalam realiti seharian, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, penyebutan istilah “luar bandar” dan/atau istilah “kampung” – dengan kandungan makna yang sama – kerapkali digunakan secara berselang-seli,

maka dalam penulisan tesis inipun kedua-dua istilah tersebut digunakan juga secara berselang-seli; dengan kandungan makna yang sama, bersesuaian dengan konteksnya. Tidak kira apakah kemungkinan erti-erti yang lain, jelas bahawa istilah “kampung” itu merujuk kepada suatu unit sosial yang padu atau komuniti dalam kawasan luar bandar (Syed Husin, 1982: 61). Demikian pula, istilah “pemimpin kampung/bukan pemimpin kampung” dan/atau “pemimpin pendapat/bukan pemimpin pendapat” – bersesuaian dengan konteksnya – akan digunakan secara berselang-seli.